



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KENYATAAN RASMI FAKULTI KEJURUTERAAN

PENDAFTARAN DAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) PELAJAR FAKULTI KEJURUTERAAN UMS BAGI SEMESTER 2 SESI 2020/2021

1. Berdasarkan Kenyataan Media oleh Menteri Pengajian Tinggi pada 31 Disember 2020 menyatakan bahawa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 23 Disember 2020 telah meluluskan cadangan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk membenarkan pelajar tempatan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) kembali ke kampus secara berfasa mengikut IPT masing-masing **seawal 1 Mac 2021**.
2. MKN juga telah meluluskan cadangan KPT untuk membenarkan kemasukan semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu di IPTA dan IPTS **KECUALI** dari United Kingdom (UK) seawal **1 Januari 2021**.
3. Keputusan membenarkan kemasukan pelajar ke IPT secara fizikal adalah bagi membolehkan pelajar tempatan dan antarabangsa mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara hibrid, iaitu secara bersemuka dan dalam talian. Keputusan ini juga selari dengan hasrat kerajaan untuk memastikan kualiti pendidikan tinggi negara terjamin.
4. Bagi Fakulti Kejuruteraan, PdP secara bersemuka perlu dilaksanakan atas justifikasi berikut:
 - (i) Program kejuruteraan merupakan program profesional yang dipantau oleh badan profesional;
 - (ii) Banyak kursus yang memerlukan penggunaan makmal secara *hands-on* ;
 - (iii) Memastikan pelajar mencapai *Course Outcome (CO)*, *Program Outcome (PO)* dan akhirnya mencapai *Program Educational Objectives (PEO)*.
 - (iv) Memastikan kualiti penyampaian PdP yang berkesan bagi kesemua kursus teras kejuruteraan.
5. Justeru, Fakulti Kejuruteraan telah memutuskan agar **SEMUA PELAJAR FAKULTI KEJURUTERAAN** kembali ke kampus pada **SEMESTER 2 SESI 2020/2021** untuk mengikuti PdP secara bersemuka, secara dalam talian atau gabungan bersemuka dan dalam talian (hibrid).
6. Kelas tutorial, projek mini, projek rekabentuk bersepadu, ujian makmal, ujian pertengahan semester dan peperiksaan akhir akan dijalankan secara bersemuka mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Manakala sesi pengkuliah akan dijalankan secara dalam talian atau secara hibrid.

7. Sila berhubung dengan Ketua Program / Penyelaras Program untuk sebarang pertanyaan dan semakan pelaksanaan PdP kursus-kursus yang ditawarkan semester 2 sesi 2020/2021:

BIL	PROGRAM	NAMA KETUA PROGRAM / PENYELARAS PROGRAM DAN EMAIL
1	Diploma Kejuruteraan Proses (Operasi Minyak Dan Gas)	Dr. Chiam Chel Ken chiamchelken@ums.edu.my
2	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Awam)	Dr.Lillian @ Lilia Gungat lillian@ums.edu.my
3	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik)	Dr. Kenneth Teo Tze Kin kenteo@ums.edu.my
4	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Kimia)	Dr. Mariani binti Rajin mariani@ums.edu.my
5	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Mekanikal)	Ir. Dr. Chua Bih Lii bihlii@ums.edu.my
6	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komputer) dengan Kepujian	Dr. Rosalyn R Porle rlyn39@ums.edu.my
7	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas	Dr. Emma Suali emma.suali@ums.edu.my
8	Sarjana Kejuruteraan (Minyak dan Gas)	Dr. Sariah Saalah S_sariah@ums.edu.my
9	Pascasiswazah secara penyelidikan (Sarjana / PhD)	Dr. Mazlina binti Mamat mazlina@ums.edu.my

8. Pelajar dikehendaki mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Secara Bersemuka Di Ruang Pembelajaran Fakulti Kejuruteraan dan mana-mana garis panduan berkaitan yang sedang **BERKUATKUASA**.
9. Pengumuman ini juga tertakluk kepada sebarang arahan terkini yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri Sabah, termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Imigresen dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).
10. Pelajar dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan dan pengumuman terkini oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.

Sekian.

DEKAN & PENGURUSAN

Fakulti Kejuruteraan
Universiti Malaysia Sabah
26 Februari 2021